

BAB 4

BAB EMPAT

ANALISIS AYAT-AYAT PUJIAN DAN CELAAN DALAM

POLA KK THULA:THIYY ŞAḤI:Ḥ FA‘ULA

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menganalisis semua KK pujian dan celaan dalam pola KK thula:thiyy yang terdapat dalam al-Quran. Proses analisis ini akan dilakukan secara deskriptif di mana penulis akan menganalisis ayat-ayat pujian dan celaan berdasarkan jenis KK thula:thiyy berikut.

- 1) KK Thula:thiyy Şaḥi:ḥ.
- 2) KK Thula:thiyy Berulang.
- 3) KK Thula:thiyy Mu‘tal.

Proses analisis ayat-ayat pujian dan celaan dalam bab ini agak berbeza berbanding analisis ayat-ayat ni‘ma dan bi’sa yang dilakukan dalam bab 3. Proses analisis ayat-ayat ni‘ma dan bi’sa telah dilakukan oleh penulis berdasarkan struktur ayat, iaitu analisis KK ni‘ma dan bi’sa, analisis pelaku dan analisis subjek pujian atau celaan. Dalam bab ini, proses analisis akan dilakukan dari ayat ke ayat. Penulis akan menganalisis struktur KK pujian dan celaan dari ayat ke ayat tanpa membahagikan ayat-ayat tersebut berdasarkan struktur ayat. Setiap ayat pujian dan celaan dalam bab ini akan dinyatakan nama surah dan bilangan ayat.

4.1 Ayat-Ayat Al-Quran Yang Mengandungi KK Pujian Dan Celaan Dalam Pola KK Thula:thiyy *Ṣaḥīḥ*

Penulis telah membuat penyelidikan terhadap ayat-ayat al-Quran. Hasilnya, penulis telah mengesan 5 perkataan dalam al-Quran yang memenuhi syarat KK pujian dan celaan dalam pola KK thula:thiyy. Perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut.

- i) (حَسُنَ - حَسُنْتَ) maksudnya amat elokny atau semolek-molekny.
- ii) (كَبُرَ - كَبُرَتْ) maksudnya amat besar atau amat berat.
- iii) (ضَعُفَ) maksudnya amat lemahlah.
- iv) (رَحِبَتْ) maksudnya yang luas.
- v) (حُبْتُ) maksudnya tidak baik.

Setelah melalui proses pemerhatian yang telah dilakukan oleh penulis, didapati bahawa terdapat beberapa ayat yang mengandungi KK seperti di atas tetapi ia tidak mengandungi makna pujian atau celaan mahupun makna takjub. Walaupun KK-KK tersebut menyerupai pola pujian dan celaan - iaitu fa'ula - ia bukanlah dari jenis KK pujian, celaan atau takjub. Penulis tidak akan mengi'ra:b ayat-ayat tersebut tetapi sekadar mengemukakannya sebagai maklumat tambahan. Berikut adalah analisis ayat-ayat yang mengandungi KK thula:thiyy seperti tersebut di atas.

4.1.1 Analisis Ayat-Ayat KK Pujian (حَسُنَ - حَسُنْتَ)

Terdapat tiga ayat (حَسُنَ - حَسُنْتَ) dalam al-Quran. Tetapi hanya dua ayat sahaja sahaja mengandungi maksud pujian dan takjub. Berikut adalah analisis bagi ayat-ayat tersebut.

- 1) Surah al-Nisa:’ Ayat 69.

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِم مِّنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ
وَالصَّالِحِينَ ۚ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

Analisis ayat

Perkataan (حَسُنَ) dalam ayat di atas adalah KK kala lampau yang mengandungi maksud pujian dan takjub. Perkataan (أُولَٰئِكَ) adalah KN isha:raṭ. Ia merupakan pelaku kepada KK kala lampau. Perkataan (رَفِيقًا) pula dii‘ra:b sebagai tamiy:z. (Al-Darwi:sh, 1999:2/56). Al-Darwish tidak menyebut tentang subjek pujian dalam ayat ini. Bahjat (1993:3/318) pula telah mengambil pendekatan yang agak berbeza dalam menganalisis ayat ini. Beliau menyatakan bahawa ayat ini ini tidak mengandungi maksud pujian tetapi hanya mengandungi maksud takjub sahaja. Beliau telah menta’wi:l ayat ini sebagai (مَا أَحْسَنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا). Perkataan (رَفِيقًا) dii‘ra:b sebagai ḥa:l.

- 2) Surah al-Kahf ayat 31.

أُولَٰئِكَ هُم جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرَىٰ مِن تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِن أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ
ثِيَابًا خُضْرًا مِّن سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُّتَكِينِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ نَعَمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا



Analisis ayat

Perkataan (حَسُنَ) dalam ayat adalah KK kala lampau yang mengandungi maksud pujian serta takjub. Al-Darwi:sh (1999:4/483) telah menyatakan bahawa cara i‘ra:b ayat ini adalah serupa dengan cara i‘ra:b ayat dalam surah al-Kahf ayat 29 iaitu (بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا). Pelaku bagi KK ini telah disembunyikan. Ia telah dita’wi:l sebagai (مُرْتَفَقًا) yang bermaksud ‘tempat berehatnya’. Perkataan

(مُرْتَقًا) pula telah dii'ra:b sebagai tamyi:z. Subjek pujian dalam ayat ini telah dihapuskan dari ayat. Ia dita'wi:l sebagai syurga Adn (جَنَّتْ عَدْنٍ). Ia adalah sebaik-baik tempat berehat (Bahjat,1993:6/380).

- 3) Surah al-Furqa:n ayat 76.

أُولَٰئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَامًا ﴿٧٦﴾ خَالِدِينَ فِيهَا
حَسَنَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ﴿٧٧﴾

Analisis ayat

Berdasarkan pengamatan penulis, ayat ini kelihatan seolah-olah Allah swt memuji syurga sebagai tempat menetap atau tinggal yang paling baik atau elok. Walaubagaimanpun al-Darwi:sh (1999:5/384) dan Bahjat (1993:8/159) berpandangan bahawa KK (حَسَنَتْ) dalam ayat ini bukan KK pujian atau celaan. Bahkan mereka mengi'ra:bnya sebagai sebagai KK kala lampau biasa.

4.1.2 Analisis Ayat-Ayat KK Celaan (كَبُرَ - كَبُرَتْ)

Terdapat 6 ayat dalam al-Quran yang mengandungi perkataan (كَبُرَ) dan (كَبُرَتْ). Walaubagaimanapun hanya tiga ayat sahaja yang mengandungi maksud celaan dan takjub. Berikut adalah analisis ketiga-tiga ayat tersebut.

- 1) Surah Gha:fir atau al-Mu'min ayat 35.

وَلَقَدْ جَاءَكُمْ يُوسُفُ مِنْ قَبْلُ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا زِلْتُمْ فِي شَكٍّ مِّمَّا جَاءَكُمْ بِهِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ اللَّهُ مِنْ بَعْدِهِ رَسُولًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُّرْتَابٌ ﴿٣٥﴾ الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي ءَايَاتِ اللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَانٍ أَتَتْهُمْ كُفْرٌ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ الَّذِينَ ءَامَنُوا ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ قَلْبٍ مُّتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ ﴿٣٦﴾

Analisis ayat

Perkataan (كَبْرَ) adalah KK kala lampau ja:mid yang diandaikan sebagai celaan dan takjub. Pelakunya telah dihapuskan dari ayat. Berikut adalah beberapa pandangan berkaitan pelaku KK ini (Al-Darwi:sh,1999:6/571).

- i) Pelakunya adalah perkatan (مَقْتُ). Ia merujuk kepada tamiy:z yang terletak selepasnya. Ayat tersebut dita'wi:l sebagai (كَبْرَ مَقْتُ جَدَّالِهِمْ).
- ii) Pelakunya adalah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ) yang kembali kepada tamiy:z selepasnya.
- iii) Pelakunya adalah (جَدَّالُهُمْ) yang difahami dari ayat (يُجَادِلُونَ).

2) Surah al-Şaff ayat 3.

كَبْرُ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh (1999:7/508) menyatakan bahawa perkataan (كَبْرَ) boleh diandaikan sebagai KK celaan. Oleh itu ia adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan dan takjub. Terdapat beberapa pendapat tentang pelakunya. Berikut adalah pendapat-pendapat tersebut.

- i) Pelakunya adalah (مَقْتُ). Ia merujuk kepada tamiy:z yang berada selepas KK tersebut. Ayat tersebut dita'wi:l sebagai (كَبْرَ مَقْتُ قَوْلِهِمْ).
- ii) Pelakunya adalah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ). Ia merujuk kepada tamiy:z yang terletak selepasnya.
- iii) Pelakunya adalah (قَوْلُهُمْ) yang merujuk kepada ayat (أَنْ تَقُولُوا).

Penulis melihat bahawa pelakunya adalah (الْمَقْتُ) manakala subjek celaan dalam ayat ini ialah (قَوْلُهُمْ) yang dirujuk kepada (أَنْ تَقُولُوا).

- 3) Surah al-Kahf ayat 5.

وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا ﴿٥﴾ مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنَّ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ﴿٦﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh (1999:4/436) telah menyatakan bahwa perkataan (كَبُرَتْ) adalah KK kala lampau yang diandaikan sebagai celaan dan takjub. Pelakunya adalah KGND tersembunyi iaitu (هِيَ). Ia merujuk kepada percakapan mereka (مَقَالَتُهُمْ) iaitu mereka mengatakan bahwa Allah swt mempunyai anak. Ayat ini dita'wi:l sebagai (كَبُرَتْ مَقَالَتُهُمْ). Tetapi ada pandangan berpendapat bahwa ia merujuk kepada (الكَلِمَةُ). Ia dita'wi:l sebagai (كَبُرَتْ الكَلِمَةُ). Al-Darwi:sh melihat bahwa subjek celaan telah dibuang dari ayat. Ia adalah KGND tersembunyi iaitu (هِيَ) yang merujuk kepada (الكَلِمَةُ).

Penulis melihat bahwa pelaku bagi KK celaan ini adalah (الكَلِمَةُ). Manakala subjek celaan adalah 'percakapan mereka' (مَقَالَتُهُمْ) bahwa Allah swt mempunyai anak. Oleh itu ayat di atas di ta'wi:l seperti berikut.

كَبُرَتْ الكَلِمَةُ مَقَالَتُهُمْ أَيِ اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا

Maksudnya : Seberat-berat perkataan adalah percakapan mereka

iaitu Allah swt mempunyai anak.

Terdapat tiga ayat dalam al-Quran yang mengandungi perkataan (كَبُرَ) dan (كَبُرَتْ) yang tidak mengandungi maksud pujian atau celaan atau takjub. Ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut.

- 1) Surah al-An'a:m ayat 35.

وَإِنْ كَانَ كَبُرَ عَلَيْكَ إِعْرَاضُهُمْ فَإِنْ اِسْتَطَعْتَ أَنْ تَبْتَغِيَ نَفَقًا فِي الْأَرْضِ أَوْ سُلَّمًا فِي السَّمَاءِ فَتَأْتِيَهُمْ بِآيَةٍ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَمَعَهُمْ عَلَى الْهَدْيِ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٣٥﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh (1999:2/357) tidak mengi'ra:b perkataan (كَبُرَ) sebagai KK pujian atau celaan.

- 2) Surah Yu:nus ayat 71.

وَأَتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ يَنْقُومُ إِنْ كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُمْ مَقَامِي وَتَذِكْرِي بِآيَاتِ اللَّهِ فَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوا أَمْرَكُمْ وَشُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ اقْضُوا إِلَيَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿٧١﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh(1999: 1999:3/360) juga tidak mengi'ra:b perkataan (كَبُرَ) dalam ayat ini sebagai KK pujian atau celaan.

- 3) Surah al-Shu:ra: ayat 13.

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh (1999:7/25) dan juga Bahjat (1993:10/378) tidak mengi'ra:b perkataan (كَبُرَ) dalam ayat ini sebagai KK pujian atau celaan.

4.1.3 Analisis Ayat KK Celaan (ضَعُفَ)

Terdapat satu ayat dalam al-Quran yang mengandung perkataan (ضَعُفَ) ini, yaitu dalam surah dan ayat seperti berikut.

- Surah al-Hajj ayat 73.

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ ضُرْبَ مَثَلٍ فَاَسْتَمِعُوا لَهُ ^ع اِنَّ الَّذِيْنَ تَدْعُوْنَ مِنْ دُوْنِ اللّٰهِ لَنْ يَخْلُقُوْا
ذُبَابًا وَّلَوْ اَجْتَمَعُوْا لَهُ ^ط وَاِنْ يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنْقِذُوْهُ مِنْهُ ^ع ضَعُفَ الطَّالِبُ
وَالْمَطْلُوْبُ ﴿٧٣﴾

Analisis ayat

Menurut ‘Uḍaymat(1972:10/346), KK (ضَعُفَ) mengandung makna celaan padanya. Dalam ayat ini perkataan (الطَّالِبُ) dan (المَطْلُوْبُ) merupakan pelaku kepada KK celaan. Subjek celaan tidak dinyatakan dalam ayat, ia merujuk kepada mereka yang tidak mampu mencipalalat. Menurut Ibn Kathi:r perkataan ‘orang yang meminta’ iaitu (الطَّالِبُ) merujuk kepada mereka yang menyembah berhala atau menyembah selain Allah swt, manakala perkataan ‘yang diminta’ (المَطْلُوْبُ) merujuk kepada tuhan yang disembah itu, iaitu berhala (Rujuk maksud (الطَّالِبُ) dan (المَطْلُوْبُ) Tafsir al-Qur’an al-‘Aẓi:m, Ibn Kathi:r, 1993: 3/246).

Terdapat satu ayat al-Quran yang mengandung pola KK thula:thiyy (ضَعُفَ) yang bersambung dengan KGND nominatif yang menonjol iaitu wa:w jamak. Setelah merujuk beberapa buah buku i’ra:b al-Quran penulis tidak menjumpai mana-mana pandangan yang menyatakan ia adalah salah satu daripada KK celaan mahupun pujian. Berikut adalah ayat tersebut.

- Surah A:li ‘Imra:n ayat 146.

وَكَايْنٍ مِّنْ نَّبِيٍّ قَتَلَ مَعَهُ رَبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا أَسْتَكَانُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٦﴾

4.1.4 Analisis Ayat-Ayat KK Pujian (رَحِبْتُ)

Perkataan (رَحِبْتُ) merupakan salah satu perkataan yang berada dalam pola fa‘ula. Terdapat dua ayat dalam al-Quran yang mengandung perkataan ini. Setelah merujuk kepada kitab-kitab i‘ra:b al-Quran penulis mendapati bahawa kedua-dua KK ini tidak mengandung makna pujian atau celaan mahupun takjub. Berikut adalah ayat-ayat tersebut.

- 1) Surah al-Tawbat ayat 25.

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ ۖ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ ۖ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

- 2) Surah al-Tawbat ayat 118.

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خُلِفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنْفُسُهُمْ وَظَنُّوا أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

4.1.5 Analisis Ayat-Ayat KK Celaan (حَبْتُ)

Perkataan (حَبْتُ) merupakan sejenis KK yang berada dalam pola fa‘ula. Walaubagaimanapun KK ini tidak mengandung sama ada makna pujian atau celaan

mahupun makna takjub. Terdapat satu ayat sahaja di dalam al-Quran yang mengandungi KK ini. Ayat tersebut adalah seperti berikut.

- Surah al-A‘raf ayat 58.

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ تَخْرِجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۖ وَالَّذِي خَبُثَ لَا تَخْرِجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَلِكَ نُصَرِّفُ
الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh (1999:2/567) dan Bahjat (1993:3/443) tidak menghurai perkataan (خَبُثَ) sebagai mengandungi makna pujian atau celaan walaupun ia mengikut pola fa‘ula.

4.2 Analisis Ayat-Ayat Al-Quran Yang Mengandungi KK Pujian Dan Celaan Dalam Pola KK Thula:thiyy Berulang.

Berdasarkan kajian dan penelitian penulis di dalam al-Quran tidak ada sebarang ayat yang mengandungi kata-kata pujian yang menggunakan perkataan pujian (حَبْدًا) mahupun celaan (مَا حَبْدًا/لَا حَبْدًا). Maka penulis berpendapat pendetailan tentang kedua-dua KK ini adalah tidak diperlukan.

4.3 Analisis Ayat-Ayat Al-Quran Yang Mengandungi KK Pujian Dan Celaan Dalam Pola KK Mu‘tal

KK pujian dan celaan dalam Pola KK Mu‘tal hanya satu perkataan sahaja. Perkataan tersebut ialah (سَاءَ - سَاءَتْ). Terdapat 23 ayat al-Quran yang mengandungi perkataan (سَاءَ - سَاءَتْ). Berikut adalah analisis ayat-ayat tersebut.

- 1) Surah al-Nisa:’ ayat 22.

وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَمَقْتًا
وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٢٢﴾

Analisis ayat

(سَاءَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. Pelakunya adalah mubham dan disembunyikan dari ayat. Ia ditafsir oleh perkataan tamiy:z iaitu (سَبِيلًا) (Al-Darwis:h,1999:1/643). Subjek celaan dalam ayat telah hapuskan dari ayat dan ia dita’wi:l sebagai ‘cara perkahwinan itu’ (سَبِيلُ ذَلِكَ النِّكَاحِ) (Al-Ibra:hi:m, 2006:81). Ayat tersebut asalnya ialah seperti berikut.

سَاءَ السَّبِيلُ سَبِيلُ ذَلِكَ النِّكَاحِ

Maksudnya : Seburuk-buruk cara ialah cara perkahwinan itu.

- 2) Surah al-Nisa:’ ayat 38.

وَالَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَنْ يَكُنِ
الشَّيْطَانُ لَهُ قَرِينًا فَسَاءَ قَرِينًا ﴿٣٨﴾

Analisis ayat

Perkataan (سَاءَ) dalam ayat di atas adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. Pelakunya telah disembunyikan iaitu KGND maskulin tersembunyi iaitu (هُوَ) dan ia ditafsir oleh tamiy:z yang berada selepasnya iaitu (قَرِينًا) (Al-Darwis:h,1999:2/25). Subjek celaan telah dihapuskan dan ia dita’wi:l sebagai syaitan (Al-Ibra:hi:m, 2006:85). Ayat di atas asalnya adalah seperti berikut.

سَاءَ الْقَرِينُ الشَّيْطَانُ

Maksudnya : Seburuk-buruk teman ialah syaitan

- 3) Surah al-Nisa:’ ayat 97.

إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْنَاهُمُ الْغَالِيَةَ ظَالِمِينَ أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ
قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةً فَتُجَارُوا فِيهَا فَأُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

Analisis ayat

Perkataan (سَاءَتْ) dalam ayat di atas adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. Pelakunya telah disembunyikan dari ayat dan ia dita’wil sebagai KGND feminin iaitu (هِيَ). Manakala perkataan (مَصِيرًا) pula dii’ra:b sebagai tami:z. Subjek celaan tidak dinyatakan dalam ayat di atas dan ia dita’wi:l sebagai neraka Jahannam (Al-Darwis:h,1999:2/95).

- 4) Surah al-Nisa:’ ayat 115.

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ
وَنُصَلِّهِمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

Analisis ayat

Analisis ayat ini sama seperti ayat di atas iaitu dalam Surah al-Nisa:’ ayat 97.

- 5) Surah al-Ma:’ida:’ ayat 66.

وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِمْ مِنْ رَبِّهِمْ لَأَكْلُوا مِنْ فَوْقِهِمْ وَمِنْ تَحْتِ
أَرْجُلِهِمْ مِنْهُمْ أُمَّةٌ مُقْتَصِدَةٌ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ سَاءَ مَا يَعْمَلُونَ ﴿٦٦﴾

Analisis ayat

Al-Darwis:h (1999:2/265) tidak mengatakan bahawa KK (سَاءَ) dalam ayat ini sebagai KK celaan. Walaubagaimanapun al-Ibra:hi:m (2006:119) mengi’ra:bnya sebagai KK celaan. Ma: adalah KN relatif dan merupakan pelaku KK celaan. Perkataan (يَعْمَلُونَ) adalah şillaṭnya.

- 6) Surah al-An‘a:m ayat 31.

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ كَذَبُوا بِلِقَاءِ اللَّهِ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَتْهُمْ السَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا يَحْسِرَتْنَا عَلَىٰ مَا فَرَّطْنَا فِيهَا وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ ۚ أَلَا سَاءَ مَا يَزُرُونَ ﴿٣١﴾

Analisis ayat

Menurut ‘Uḏaymat, (1972,10/346), perkataan (سَاءَ) dalam ayat di atas mempunyai 3 status seperti berikut.

- i) Ia adalah KK kala lampau transitif biasa. Ia dita’wil seperti berikut.

أَلَا سَاءَهُمْ مَا يَزُرُونَ

Maksudnya : Ingatlah, buruklah apa yang mereka pikulkan.

- ii) Ia berada dalam pola fa‘ula tetapi dimasukkan dalam topik Gaya Bahasa Takjub. Ia dita’wi:l seperti berikut.

مَا أَسْوَأَ وِزْرَهُمْ

Maksudnya : Betapa buruk dosa mereka (yang mereka pikulkan).

- iii) Ia adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Kedudukannya adalah sama seperti bi’sa.

Perkataan (مَا) pula mempunyai dua status, iaitu sama ada ia adalah KN relatif dan merupakan pelaku kepada KK celaan atau ia adalah tamiy:z (Al-Darwis:h,1999:2/353). Perkara ini telah dihurai dalam subtopik 3.3.1.3 tentang ma: yang terletak selepas ni‘ma dan bi’sa. Perkataan (يَزُرُونَ) pula dii‘ra:b sebagai šillaṭ jika ma: adalah KN relatif dan ia telah dii‘ra:b sebagai šifaṭ jika ma: adalah tamiy:z. Subjek celaan dalam ayat telah dihapuskan dari ayat dan ia merujuk kepada dosa-dosa yang mereka pikul.

- 7) Surah al-An'a:m ayat 136.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ الْحَرْثِ وَالْأَنْعَامِ نَصِيبًا فَقَالُوا هَذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَذَا لِشُرَكَائِنَا^ط
فَمَا كَانَ لِشُرَكَائِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى اللَّهِ^ط وَمَا كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَى^ط
شُرَكَائِهِمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

Analisis ayat

Perkataan (سَاءَ) adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. Perkataan (مَا) pula dii'ra:b sebagai KN relatif dan dii'ra:b sebagai pelaku kepada KK celaan atau tamiy:z (Al-Darwis:h,1999:2/353). Perkataan (يَحْكُمُونَ) dii'ra:b sebagai şillaṭ jika ma: adalah KN relatif dan dii'ra:b sebagai şifaṭ jika ma: adalah tamiy:z. Subjek celaan telah dihapuskan. Ia dirujuk kepada hukuman mereka atau (حُكْمُهُمْ) atau perbuatan mereka membahagikan hasil ternakan untuk Allah swt dan berhala (Al-Ibra:hi:m, 2006:145).

- 8) Surah al-A'ra:f ayat 177.

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ^ط فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ^ط
تَحَمَّلَ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرَكَهُ يَلْهَثْ^ط ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا^ط فَاقْصُصْ^ط
الْقِصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾ سَاءَ مَثَلًا الْقَوْمُ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَأَنْفُسُهُمْ كَانُوا^ط
يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

Analisis ayat

Perkataan (سَاءَ) adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. Pelaku bagi KK celaan telah disembunyi. Ia dita'wi:l sebagai KGND tersembunyi iaitu (هُوَ) (Al-Ibra:hi:m,2006:173). Ia dirujuk kepada tamiy:z selepasnya iaitu (مَثَلًا). Perkataan (الْقَوْمِ) muftada' mu'akkhar (Al-Darwis:h, 1999:3/77). Ayat (سَاءَ) adalah khabar muqaddam. Al-Zamakhshariyy (1999:353)

menyatakan bahawa subjek celaan telah dihapuskan dari ayat. Ia dita'wil seperti berikut.

سَاءَ مَثَلُ الْقَوْمِ الْمُكَذِّبِينَ مِثْلَهُمْ

Maksudnya : Seburuk-buruk perumpamaan kaum yang berdusta adalah seperti mereka.

9) Surah al-Tawbat_ ayat 9.

أَشْتَرَوْا بِغَايَةِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

Analisis ayat

Menurut al-Darwish (1999:3/185) KK (سَاءَ) dalam ayat ini boleh dihurai kepada dua sama ada KK kala lampau biasa atau KK celaan.

i) Jika ia adalah KK kala lampau biasa maka ma: adalah KN relatif dan merupakan pelakunya. Manakala maf'u:l bih dihapuskan dari ayat. Ia dita'wil seperti berikut.

سَاءَهُمُ الَّذِي كَانُوا يَعْمَلُونَهُ

Maksudnya : Amat buruklah mereka apa yang telah mereka lakukannya.

Ma: juga boleh dii'ra:b sebagai ma: terbitan (مَا الْمَصْدَرِيَّة). Pelakunya adalah (عَمَلُهُمْ). Ayat tersebut dita'wil sebagai,

سَاءَهُمْ عَمَلُهُمْ

Maksudnya : Buruklah mereka dengan perbuatan mereka.

ii) Jika ia adalah KK kala lampau yang membawa maksud celaan, maka ma: yang terdapat selepasnya dii'ra:b sama ada KN relatif dan merupakan pelaku kepada KK celaan atau dii'ra:b tamyi:z manakala pelakunya

adalah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ). Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat dan ia di ta'wi:l sebagai perbuatan mereka menjual ayat-ayat Allah swt dengan harga yang rendah serta menghalang diri mereka dan orang lain dari agama Allah swt.

- 10) Surah al-Naḥl ayat 25.

لِيَحْمِلُوا أَوْزَارَهُمْ كَامِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمِنْ أَوْزَارِ الَّذِينَ يُضِلُّونَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِلَّا سَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٢٥﴾

Analisis ayat

Perkataan (سَاءَ) dalam ayat ini adalah sama seperti dalam surah al-An'a:m ayat 31. Salah satu pendapat menyatakan bahawa ia adalah KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Ma' dii'ra:b sebagai pelaku KK celaan atau dii'ra:b sebagai tamyi:z yang bermaksud 'sesuatu' (شَيْئًا). Perkataan (يَزِرُونَ) dii'ra:b sama ada sebagai şillaṭ bagi ma: jika ma: adalah KN relatif atau şifat kepada ma: jika ia adalah tamyi:z. Subjek celaan pula telah dihapuskan dari ayat. Ia dita'wi:l sebagai dosa yang mereka pikul pada hari kiamat (وَزَرُهُمْ) (Al-Darwis:h, 1999:4/235).

- 11) Surah al-Naḥl ayat 59.

يَتَوَارَىٰ مِنَ الْقَوْمِ مِن سُوءِ مَا بُشِّرَبِهِٗٓ أَيَمْسِكُهُٗ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُ فِي التُّرَابِ ۗ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٥٩﴾

Analisis ayat

(سَاءَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. (مَا) sama ada KN relatif dan merupakan pelaku kepada KK celaan atau dii'ra:b sebagai

tamyi:z (Al-Darwis:h,1999:4/262). (يَحْكُمُونَ) dii'ra:b sebagai şillaṭ jika ma: adalah adalah KN relatif dan dii'ra:b sebagai şifaṭ jika ma: adalah tamyi:z. Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat. Ia dita'wi:l sebagai hukuman mereka atau andaian mereka (حُكْمُهُمْ) tentang anak perempuan sama ada memeliharanya dalam keadaan penuh kehinaan atau membunuhnya dengan menanamnya dalam tanah.

- 12) Surah al-Isra:' ayat 32.

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Analisis ayat

(سَاءَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Pelakunya telah disembunyikan, ia ditafsir oleh tamyi:z iaitu (سَبِيلًا). Subjek celaan dihapuskan dari ayat dan. Ia dita'wi:l sebagai KGND tersembunyi iaitu (هُوَ) (Al-Darwis:h,1999:4/355), ia dirujuk kepada perbuatan zina (Al-Ibra:hi:m, 2006:285).

- 13) Surah al-Kahf ayat 29

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ ۖ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ ۚ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِنْ يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ ۚ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

Analisis ayat

(سَاءَتْ) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Pelakunya telah disembunyikan dan ditafsir oleh tamyi:z yang berada selepasnya iaitu perkataan (مُرْتَفَقًا). Subjek celaan telah hapuskan dari ayat dan ia dirujuk kepada

neraka (Al-Darwis:h,1999:15/482). Menurut ‘Uḍaymat (1972,10/345), perkataan (سَاءَتْ) dalam ayat di atas tidak mengandungi makna celaan. Ini kerana KGND dalam KK (سَاءَتْ) kembali kepada perkataan neraka yang terletak selepasnya. Beliau berpendapat jika KGND tersembunyi pada KK (سَاءَتْ) kembali kepada sesuatu sebelum ayat maka ia tidak mengandungi makna celaan. Ia mempunyai makna celaan jika KGND tersebut adalah mubham atau dirujuk kepada sesuatu yang terletak selepasnya seperti tami:z.

- 14) SurahṬa:ha: ayat 101.

خَالِدِينَ فِيهِ وَسَاءَ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ حِمْلًا ﴿١٠١﴾

Analisis ayat :

(سَاءَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Pelakunya telah disembunyikan dari struktur ayat iaitu KGND tersembunyi (هُوَ) dan ditafsir oleh tami:z yang berada selepasnya iaitu (حِمْلًا). Subjek celaan telah hapuskan dari ayat dan ia dita’wi:l sebagai dosa mereka (وَزُرُّهُمْ) (Al-Darwis:h, 1999:4/724).

- 15) Surah al-Furqa:n ayat 66.

إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ﴿٦٦﴾

Analisis ayat

Al-Zamakhshariyy berpendapat KK (سَاءَتْ) dalam ayat ini bukan KK celaan tetapi merupakan KK kala lampau biasa yang boleh diderivasikan. Walaupun begitu Al-Darwis:h (1999:5/275) mengi’ra:bnya sebagai KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Al-Ibra:hi:m(2006:365) pula sekadar

mengi'ra:bnya sebagai KK kala lampau terbuka untuk tujuan celaan tanpa menyebutnya sebagai Ja:mid. Pelakunya adalah KGND tersembunyi iaitu (هِيَ) dan ia ditafsir oleh tami:z yang terletak selepasnya iaitu (مُسْتَقَرًّا). Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat dan ia dita'wi:l sebagai neraka Jahannam. 'Uḍaymat (1972:10/346) telah membuat rumusan bahawa KK (سَاءَتْ) dalam ayat ini boleh diandaikan sama ada celaan atau KK kala lampau biasa yang bermaksud (أَحْزَنَ).

- 16) Surah al-Shu'ara: ayat 173.

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْذِرِينَ ﴿١٧٣﴾

Analisis ayat

(مَطَرُ الْمُنْذِرِينَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. (سَاءَ) adalah pelaku kepada KK celaan. Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat dan ia dita'wi:l sebagai hujan yang menimpa mereka (مَطَرُهُمْ) (Al-Darwis:h, 1999:5/444 dan 'Uḍaymat, 1972:10/346).

- 17) Surah al-Naml ayat 58.

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْذِرِينَ ﴿٥٨﴾

Analisis ayat

Memandangkan lafaz ayat ini serupa dengan ayat sebelumnya iaitu surah al-Shu'ara: ayat 173, penulis melihat tidak keperluan untuk mengulangi semula analisis ayat ini. Ini kerana hasil huraian analisisnya adalah sama.

- 18) Surah al-'Ankabu:t ayat 4.

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ أَنْ يَسْفِقُونَا ۚ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٤﴾

Analisis ayat

Analisis ayat ini juga adalah sama seperti ayat lain iaitu ayat dalam surah al-An'am ayat 136 – lihat analisis no 7. Cuma apa yang berbeza pada kedua-dua ayat ini adalah pada subjek celaan. Dalam ayat ini subjek celaan adalah hukuman mereka atau sangkaan mereka (حُكْمُهُمْ) bahawa mereka akan terlepas dari azab walaupun melakukan dosa.

- 19) Surah al-Şa:ffa:t ayat 177.

فَإِذَا نَزَلَ بِسَاحَتِهِمْ فَسَاءَ صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ ﴿١٧٧﴾

Analisis ayat

(سَاءَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. Rangkaikata (صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ) adalah pelaku KK celaan. Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat dan ia dita'wi:l sebagai pagi mereka atau hari mereka (صَبَاحُهُمْ) ('Uḏaymat, 1972,10/346) Menurut al-Darwis:h (1999:6/432) ada pendapat menyatakan bahawa pelakunya adalah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ) . Rangkaikata yang terletak selepas KK celaan (صَبَاحُ الْمُنْذَرِينَ) adalah subjek celaan. Terdapat tamyi:z yang telah dibuang dari ayat dan ia dita'wi:l sebagai (صَبَاحًا).

- 20) Surah al-Ja:thiyat ayat 21.

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا الشَّيْءَاتِ أَنْ نَجْعَلَهُمْ كَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَوَاءً
مَحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٢١﴾

Analisis ayat

Analisis ayat ini adalah sama seperti huraian di atas dalam surah al-Naḥl ayat 59. Cuma subjek celaan telah dihapuskan dari ayat. Ia dita'wi:l sebagai hukuman

mereka atau andaian mereka bahawa keadaan mereka (iaitu orang yang melakukan kejahatan) adalah sama seperti orang yang beriman dan beramal soleh sama ada semasa hidup dan selepas mati. Allah swt mencela hukuman atau andaian mereka itu.

- 21) Surah al Fatḥ ayat 6.

وَيُعَذِّبُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ الظَّالِمِينَ بِاللَّهِ ظَنَّ السَّوْءِ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿٦﴾

Analisis ayat

Analisis ayat ini sama seperti huraian ayat di atas, dalam surah al-Nisa' ayat 97. Malahan subjek celaan juga sama dalam kedua-dua ayat tersebut. Maka penulis tidak perlu mengulangi semula analisis ini.

- 22) Surah al-Muja: dalaṭ ayat 15.

أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Analisis ayat

KK (سَاءَ) adalah KK kala lampau yang membawa maksud celaan. Ma: adalah pelakunya (Al-Ibra:hi:m,2006:544).

- 23) Surah al Muna:fiqu:n ayat 2.

اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾

Analisis ayat

KK (سَاءَ) dalam ayat ini adalah jenis KK kala lampau biasa yang boleh diderivasi. KK ini tidak mengandungi maksud celaan dalamnya. Al-Ibra:hi:m

(2006:554) menganalisis perkataan (سَاءَ) dalam ayat ini sebagai KK kala lampau terbuka untuk mencela. Manakala ma: adalah pelakunya. Beliau tidak menyebut subjek celaan.

4.4 Penutup

Sesungguhnya mengkaji ayat-ayat pujian dan celaan dalam pola KK thula:thiyy fa'ula ini agak rumit dan kompleks berbanding KK ni'ma dan bi'sa. Berdasarkan hasil kerja dalam bab ini penulis mendapati terdapat 3 jenis KK thula:thiyy fa'ula dalam al-Quran, iaitu,

- 1) Ḥasuna - Ḥasunāt (حُسْنٌ - حُسْنَةٌ) - 2 ayat.
- 2) Sa:' - Sa:'at (سَاءٌ - سَاءَةٌ) - 23 ayat.
- 3) Kabura - Kaburat (كَبُرٌ - كَبُرَتْ) - 3 ayat.

Terdapat beberapa aspek teori sintaksis dalam KK pujian dan celaan jenis ini yang agak kontras dengan KK ni'ma dan bi'sa. Contohnya KK ni'ma dan bi'sa tidak menerima pelaku dari jenis KN ma'rifaṭ khas yang tidak ada alif dan la:m di awal ayat. Sedangkan KK pujian dan celaan pola KK thula:thiyy fa'ula menerima KN jenis itu sebagai pelakunya.

Penulis juga telah mendapati bahawa kebanyakan ayat-ayat dalam pola KK thula:thiyy fa'ula tidak menyatakan pelaku dan subjek pujian atau celaan dalam struktur ayat . Daripada 29 ayat pujian dan celaan yang telah dianalisis, penulis mendapati sebanyak 15 ayat terdapat tamiy:z dan 9 ayat terdapat ma: dalam struktur ayatnya.